

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Bahasa Tamil 1 SPM 6354/1 mengandungi dua bahagian:

Bahagian A: Penghasilan karya - karangan, ceramah, cerpen atau drama. Calon dikehendaki memilih salah satu tajuk daripada 5 tajuk diberi dan menghasilkan satu karya, tidak kurang daripada 250 patah perkataan. Markah yang diperuntukkan untuk bahagian ini ialah 70.

Bahagian B: Pilih satu daripada 2 soalan diberi. Soalan 2(i) ialah menulis dialog berpandu. Soalan 2(ii) ialah menukar bentuk prosa kepada bentuk dialog. Markah yang diperuntukkan untuk bahagian ini ialah 30.

Calon diberi 1 jam 45 minit untuk menjawab kedua-dua soalan ini.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada keseluruhannya pencapaian calon pada tahap sederhana dan memuaskan. Ini menunjukkan bahawa bilangan calon yang menguasai kemahiran berbahasa tidak memuaskan. Ramai calon menjawab soalan Bahagian B dengan baik manakala dalam Bahagian A tidak dapat menghasilkan karya yang bermutu. Ramai calon mendapat markah yang sederhana disebabkan penguasaan perbendaharaan kata yang kurang meluas dan pengolahan yang tidak begitu menarik dan berkesan. Ini kerana calon gagal menunjukkan kemahiran berbahasa yang baik dan tidak matang dalam menyampaikan idea. Mereka tidak dapat menyertakan contoh-contoh yang tepat dan huraianya tidak berkesan. Terdapat juga penggunaan kiasan tidak sesuai dan tidak dapat menggambarkan maksud yang hendak dinyatakan dengan jelas. Ramai calon juga tidak dapat menghasilkan cerpen mengikut peraturan permarkahan.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon memahami kehendak soalan dan jawapannya selaras dengan kehendak peraturan permarkahan. Mutu jawapan calon dalam kumpulan ini sangat baik. Jawapan calon tepat, bernas, mantap dan jelas. Penyampaian idea juga agak terperinci dan menunjukkan kematangan calon. Calon dapat menghuraikan dengan contoh yang tepat, jelas dan relevan dengan tajuk. Gaya bahasa, gaya persembahan, pengolahan isi dan penggunaan kosa kata juga tepat dan berkesan. Cara mengolah isi adalah baik dan menarik. Calon berjaya menunjukkan penguasaan bahasa yang baik dan gramatis. Pemerenggan bagi karangan sesuai dan terdapat keragaman ayat. Penggunaan kiasan (QLD~6ir) memantapkan lagi penghasilan calon.

Contoh :

நோயற்ற வாழ்வே குறைவற்ற செல்வம்
முயற்சியுடையார் இகழ்ச்சியுடையார்
சூரியனைக் கண்ட பனியோல
முட்டுக்கட்டை
தங்கள் இரத்தத்தை வியர்வையாகச் சிந்தினர்

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Huraian calon masih berkembang tetapi sederhana dan contoh yang diberikan itu kurang tepat. Pemerenggan tidak memuaskan. Pengolahan dan penyampaian calon kurang menarik dan adakalanya kabur dan tidak berkesan. Bahasa calon tidak lancar dan terdapat beberapa kesalahan ejaan dan tatabahasa. Penggunaan kosa kata juga agak terhad. Penggunaan kiasan tidak tepat makna pada situasi yang diterangkan. Ayat yang dibina tidak beragam dan penggunaan tanda baca juga tidak tepat pada tempatnya.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Pada keseluruhannya keupayaan calon lemah sekali. Ada calon yang tidak memahami sarna sekali kehendaksoalan dan tidak mampu menjawab soalan yang dikemukakan itu. Penyampaian jawapan calon tidak teratur dan tidak berkesan sarna sekali. Jawapannya ringkas dan kurang jelas. Bahasa yang lemah, isi tidak dihuraikan dengan jelas, gaya bahasa dan struktur ayat yang lemah merupakan beberapa faktor bagi calon digolongkan dalam kumpulan ini. Terdapat hanya satu atau dua perenggan dan penggunaan tanda baca kurang atau kadang kala tiada langsung. Banyak kesalahan ejaan dan tidak dapat menghuraikan dengan bahasa yang gramatis.

Contoh :

(i) Kesalahan ejaan

Betul	Salah
ஏனென்றால்	ஏன்னென்றால்
அதுமட்டுமின்றி	அதுமட்டும்மின்றி
கடவுள்	கடவுல்
திகழ்கிறது	திகல்கிறது
ஈடுபட்டு	ஈடுப்பட்டு
அக்கறை	அக்கரை
பெறுவோம்	பெருவோம்
அன்புக்குரியவர்	அன்புக்குறியவர்
சிறிது	சிறிது
தொழிலாளிகள்	தொழிலாலிகள்
உற்சாகம்	உட்சாகம்
பயிற்சி	பயிற்ச்சி

(ii) Kesalahan ayat

- 1) பல காட்சிகள் அதில் இடம் பெற்றிருக்கிறது.
பல காட்சிகள் அதில் இடம் பெற்றிருக்கின்றன.
- 2) அவன் தாய் அவனைப் பள்ளியை இனிமேல் போக வேண்டாம் என்றார்.
அவன் தாய் அவனைப் பள்ளிக்கு இனிமேல் போக வேண்டாம் என்றார்.
- 3) ராமு தன் தந்தை கூறுகளைக் கேட்டு அதன்படி நடந்தான்.
ராமு தன் தந்தை கூறியதைக் கேட்டு அதன்படி நடந்தான்.
- 4) பாலு நண்பர்களுடன் சேர்ந்து பல சேட்டைகள் செய்கின்றனர்.
பாலு தன் நண்பர்களுடன் சேர்ந்து பல சேட்டைகள் செய்கின்றான்.
- 5) அவர்கள் நமக்குப் பிறந்த உடனே நம்மிடம் அன்பு காட்டுகிறார்.
அவர்கள் பிறந்த உடனே நம்மிடம் அன்பு காட்டுகின்றனர்.


PRESTASI TERPERINCI

Bahagian A

Soalan 1 (i)

Ramai calon telah menghasilkan karangan bertajuk 'kasih sayang'. Calon cemerlang telah menghasilkan karangan bermutu dalam tajuk ini. Ini menggambarkan bahawa calon luas membaca atau mendengar tentang tajuk ini. Calon memahami kehendak soalan kerana ini merupakan tajuk karangan yang terbuka. Calon menu lis tentang kebaikan kasih sayang dan jenis kasih sayang. Calon yang menulis cerpen bertema kasih sayang dianggap tidak mematuhi kehendak soalan.

Contoh di bawah menunjukkan bagaimana calon ini campuradukan beberapa isi dalam satu perenggan. Ia menyatakan bahawa setiap manusia patut mempunyai kasih sayang. Selepas itu ia menyatakan tentang kasih sayang terhadap kawan. Calon ini juga menyatakan tentang berkawan semata-mata untuk kebendaan. Maka calon ini patut mengutarakan tentang kasih sayang terhadap kawan sahaja dalam perenggan ini. Dalam karangan calon ini terdapat banyak kesalahan ejaan dan tatabahasa. Maka karangan ini akan mendapat markah rendah sahaja.



Soalan 1 (ii)

Hanya segelintir calon memilih tajuk ini, iaitu 'Latihan jasmani sahaja boleh menjaga kesihatan'. Ini merupakan tajuk mencadang atau menyokong tajuk yang diberi. Ada calon menyarankan cara-cara lain selain daripada latihan jasmani. Beberapa orang calon membangkang tajuk tersebut. Sepatutnya calon-calon menyokong sahaja tajuk tersebut. Oleh kerana tajuk ini memerlukan calon menegakkan bahawa latihan jasmani sahaja menjaga kesihatan seseorang maka mereka sepatutnya menulis bagaimana latihan jasmani itu akan menjaga kesihatan dan bukannya unsur-unsur lain seperti makanan, rehat dan keluarga. Calon yang menu lis karangan ini tidak dapat menulis isi yang tepat ataupun isi yang ditulis itu tidak begitu jelas tentang tajuk yang diberi.

Soalan 1 (v)

Selain daripada soalan (i) ramai calon menghasilkan karya cerpen ini. 'Kegagalan tangga kejayaan' merupakan tema cerpen yang diberi. Ramai calon tidak dapat menghasilkan karya cerpen yang bermutu. Ini kerana mereka hanya menu lis sebagai urutan peristiwa dan bukannya hasil karya cerpen. Ada juga calon menulis cerpen yang tidak begitu menerangkan tema cerpen itu. Ada calon menulis permulaan cerpen itu sebagai urutan peristiwa. Mereka sepatutnya bermula dengan menggambarkan sesuatu situasi atau percakapan. Cara ini akan lebih menarik dan ia merupakan satu unsur gaya penulisan cerpen yang baik.

Contoh Permulaanyang baik..

Dalam permulaan ini calon telah menggambarkan pemandangan pagi yang aman dengan sikap watak utama yang jujur, bermurah hati dan ikhlas.

காலைக் குடியில் உதிக், இதனால் காலை விசு,
கீத்கொம் குடகிலலில் மலலிய காலைத்தொடு கண்டித்தொண்ட
கத்தகாமி. இவன் நெய்தலையில் சிலைமீ, கருணையில் உண்டி,
உண்டலையில் பிற்ப்பிடம் மண்டி அண்டி அண்டித்தொண்டி
கிவதைய் பற்றி பெருக வாய் கண்டினைல. அப்படி ஒரு
நாடுகண்டி இவ்வயி. மண்டித்தொண்டி வந்தித்தொண்டி.

Bahagian B

Soalan 2 (i)

Segelintir calon memilih bentuk soalan inL Ramai dapat menjawab soalan ini dengan baik. Ini menunjukkan mereka memahami kehendak soalan dengan jelas. Ada calon tidak memahami format dialog, seperti tidak menulis situasi atau pengenalan. Sebahagian calon tidak mematuhi arahan soalan, iaitu tidak menggunakan semua isi yang telah diberi dan juga arahan untuk menulis dialog tersebut. Kemahiran berbahasa mereka juga terdapat banyak kesalahan. Cajon begini tidak dapat mencapai markah cemerlang. Ada juga calon yang tidak dapat menghuraikan lebih lanjut isi-isi yang telah diberi. Ini menunjukkan bahawa calon ini kurang membaca.

Soalan 2 (ii)

Ramai calon telah menjawab soalan iili, iaitu menukar bentuk prosa kepada bentuk dialog. Calon cemerlang telah mendapat markah tinggi dalam soalan ini kerana dapat memindahkan semua isi yang terdapat dalam bentuk prosa itu kepada bentuk dialog dengan tepat. Segelintir calon tidak dapat memindahkan cakap pindah kepada cakap ajuk. Ada juga calon melakukan kesalahan dalam format dialog. Ada juga calon tidak tahu mengelakkan kata penghubung semasa pemindahan. Ada beberapa orang calon meniru teks yang diberi dalam bentuk dialog. Seperti soalan-soalan lain terdapat juga kesalahan bahasa dalam soalan ini.

Dalam pemindahan dari prosa ke dialog, calon patut menukarkan pernyataan emosi sebagai cakap ajuk. Dalam contoh di bawah calon hanya menyalin pernyataan tersebut sebulatbulat dari teks prosa tersebut. Maka calon akan kehilangan markah kerana tidak dapat menyatakan perasaan dalam bentuk percakapan.

மாவா : சலாக்கின் சிவந்திரன் உண்காம உள்ளத்தை டாஸ் மாவா உணர்ந்தான்.

Semua pernyataan yang tidak boleh ditukar ke bentuk percakapan patut ditulis dalam kurungan. Calon di bawah ini telah memindahkannya sebagai dialog dan ia tidak membawa apa-apa makna dalam bentuk dialog. Maka calon ini tidak begitu mengetahui tentang format dialog.

(மாவாவின்கு சாயார்): மாவாவின்கு சாயார் திருவடும் உறையாடக
 ரிதாணியடுக்கும் சபாது மாவாவின்கு சாயார்; திருவடும்
 பருகுவதற்கு/செந்திரர் பனசாருமும் பரிமளினார்.
 சதிர்புடியோ சலாக்கையும்கு அகாது வீட்டாறையும்கு
 நலம் விசாரித்தார்.) பிறகு திருவடும் சபாது

SARANAN KEPADA CALON

1. Tanamkan minat membaca supaya dapat menghasilkan karangan yang bermutu tinggi.
2. Meneliti dan memahami maksud dan kehendak soalan itu dengan tepat dan jelas.
3. Kuasai teknik mengarang seperti permulaan, isi dan penutup, penggunaan format yang tepat, pemerenggan dan tanda baca pada tempat dan keadaan yang sesuai.
4. Mengetahui cara mengumpul data dan memilih dan menyusun atur idea atau isi, hujah dan bahan yang berkaitan dengan sesuatu tajuk karangan.
5. Berlatih tubi supaya dapat menulis dengan bahasa yang kemas, lancar dan jelas, struktur ayat yang betul dan gaya yang menarik serta bersesuaian dengan tajuk karangan.

SARANAN KEPADA GURU

1. Beri perhatian terhadap pengajaran tata bahasa serta mengambil langkah tertentu untuk memperluaskan kosa kata mengikut laras bahasa.
2. Galakkan calon membaca buku bacaan tambahan, majalah dan akhbar harian dalam bahasa Tamil.
3. Adakan aktiviti seperti latihan ejaan dan menulis rencana dalam waktu pengajaran.
4. Galakkan calon melayari laman web bahasa Tamil untuk mengumpul data dan menganalisis data terse but.
4. Menggunakan kemahiran berfikir dalam P&P.
5. Mengadakan aktiviti berbahasa seperti pidato, debat, kuiz dalam bahasa Tamil.
6. Mengadakan projek 'akhbar dalamkelas' (NIE) dalam bahasa Tamil.